



## SIARAN MEDIA

### KARISMA 1AZAM UYARVOM

**TETAMU KEHORMAT : Y.B. DATUK SERI G. PALANIVEL**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**Y.B. SENATOR DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL,**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

**TARIKH : 25 MAC 2012 (AHAD)**

**TEMPAT : PADANG MBSA, TAMAN SRI MUDA, SEKSYEN 25,**  
**SHAH ALAM, SELANGOR**

#### 1. PENERIMA 1AZAM NEGERI SELANGOR DAN KUALA LUMPUR

**SHAH ALAM, 20 MAC 2012** – Seramai 738 orang peserta AZAM Niaga dan AZAM Khidmat Kaum India di Negeri Selangor dan Kuala Lumpur hari ini telah menerima barangan permulaan perniagaan (*start-up kit*) pada Program **KARISMA 1AZAM UYARVOM** yang diadakan di Padang MBSA, Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam hari ini. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Y.B. Datuk Seri G. Palanivel, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Y.B. Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

#### 2. PENERIMA 1AZAM DI SELURUH NEGARA

Seramai 3,412 orang peserta kaum India telah bersetuju untuk menyertai program AZAM Niaga dan AZAM Khidmat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dengan **nilai peruntukan berjumlah RM17.1 juta di seluruh Negara**. Negeri Selangor (616 peserta) dan Perak (634 peserta) menunjukkan bilangan peserta paling tinggi memohon untuk menyertai Program AZAM Niaga dan AZAM Khidmat KPWK.

Menurut Y.B. Senator Dato' Sri Shahrizat, "Bantuan yang diberikan adalah bagi membantu golongan berpendapatan rendah menceburi bidang perniagaan **berteraskan konsep social enterprise (keusahawanan sosial) dan pendekatan kebajikan produktif (productive welfare)** dalam usaha memperbaiki taraf kehidupan mereka". Tambah beliau, ini juga merupakan usaha Kerajaan untuk membolehkan golongan ini untuk hidup berdikari. Di samping itu, golongan ini seterusnya layak dipertimbangkan untuk memohon pinjaman kewangan melalui skim pinjaman mikro daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang juga merupakan rakan kongsi pintar Kementerian di dalam Program AZAM Niaga dan AZAM Khidmat untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka.

Daripada **1 Januari 2011 sehingga 29 Februari 2012**, seramai **64,938 orang peserta** telah menyertai program Teman 1AZAM di seluruh negara. Antara projek yang mendapat sambutan dalam kalangan peserta adalah projek jahitan, perniagaan kedai makanan, dan perniagaan kuih-muih. Program 1AZAM terdiri daripada program AZAM Tani, AZAM Kerja, AZAM Niaga dan AZAM Khidmat yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pertanian dan Asas Tani dan Amanah Ikhtiar Malaysia.

### **3. GERAN NGO KAUM INDIA**

Majlis turut menyaksikan sebanyak **50 Badan Bukan Kerajaan (NGO) India** telah menerima peruntukan sebanyak **RM490 ribu** bagi bersama-sama membantu pihak Kerajaan dalam melaksanakan program Siri Penjelajahan Kesejahteraan Keluarga Untuk Rakyat (SPEKKTRA) di peringkat komuniti. SPEKKTRA adalah merupakan salah satu komponen utama program Pencegahan Jenayah : SEKATA (Keselamatan Keluarga Tanggungjawab Kita).

Turut hadir sama pada majlis pelancaran tersebut ialah Y.Bhg. Dato' Dr. Noorul Ainur Mohd Nur, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Y.Bhg. Dato' Sabariah Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) serta para pemimpin dan penduduk tempatan.

#####

Disediakan oleh	:	Unit DMO NKRA-LIH KPWKM Aras 5, No.55 Persiaran Perdana, Presint 4, Putrajaya
Telefon	:	03 – 8323 1000
Tarikh	:	25 Mac 2012

